

13/04/1998

Penswastaan dan air untuk rakyat

Sut

HEBOH mengenai bekalan air yang tidak mencukupi untuk penduduk Kuala Lumpur hanya boleh reda dalam masa yang relatif. Bila-bila masa saja ia akan meletup sekiranya satu perancangan yang bersifat jangka panjang tidak dilaksanakan. Pertambahan penduduk yang relatif cepat memerlukan satu perancangan jangka panjang yang mencukupi dan sistematik untuk keperluan asas manusia seperti air, elektrik dan seumpamanya.

Kata sesetengah pihak keperluan bangunan tinggi pencakar langit, pelbagai prasarana yang dikatakan mewah seperti LRT dan sebagainya tidak dapat dibandingkan dengan keperluan kepada air yang mencukupi, kerana air adalah keperluan asas manusia.

Kehidupan kita memang sudah berubah dari segala segi. Ia bukan saja cara hidup dan cara makan, malah cara kita berpakaian dan cara kita melayan tetamu pun sudah berubah. Ini memang sesuatu yang wajar, walaupun ada sesetengah pihak yang tidak dapat menerima hakikat ini.

Berbalik kepada persoalan air, baru-baru ini kita tertarik membaca tulisan oleh Dr Zek Ismail dalam ruangan forum sebuah akhbar tempatan yang menyatakan pelbagai manfaat dapat dinikmati oleh pengguna apabila sesuatu keperluan asas seperti air itu diswastakan.

Berikutan pertambahan penduduk yang begitu cepat, dengan terbangunnya bandar-bandar baru dan kawasan perumahan yang umpama cendawan tumbuh selepas hujan itu, maka prestasi perkhidmatan air kita mestilah juga meningkat. Ini selari dengan pendapat Presiden Fomca, Profesor Hamdan Adnan, bukan hendak menyalahkan sesiapa, tetapi setiap organisasi yang mengendalikan sesuatu tanggungjawab itu mempunyai tugas yang semestinya dilaksanakan dengan sempurna.

Perkhidmatan air yang cekap memerlukan perbelanjaan besar dan kerajaan yang mengambil sikap mengurangkan perbelanjaannya melalui penswastaan secara langsung dan tidak langsung mendidik rakyat untuk tidak hidup dalam lingkaran subsidi. Jika subsidi diperlukan ini bermakna kerajaan terpaksa mendapat sumber kewangan untuk menampung subsidi dengan menggunakan kaedah kenaikan cukai dan sebagainya. Ini dari satu segi akan membebankan rakyat dengan kadar cukai yang tinggi, membebankan rakyat dan dari segi lain pula menjauhkan pelabur asing untuk melabur.

Barangkali apa yang terjadi di Negeri Sembilan dan Melaka yang menswastakan bekalan air secara menyeluruh dan tidak diagih-agihkan seperti di Selangor memberi contoh yang penting kepada pihak yang akan mengambil keputusan untuk melaksanakan penswastaan air. Di Selangor, syarikat swasta menjual air pukal. Dalam hal ini syarikat swasta tidak mengambil apa-apa risiko dan keuntungannya terjamin, tetapi Jabatan Bekalan Air terpaksa membeli air pukal, sama ada diperlukan ataupun tidak.

Dalam operasi sistem air, penjualan air pukal secara lebih menguntungkan berbanding pengendalian sistem agihan bekalan air. Namun demikian, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Ithnin dalam satu kenyataannya baru-baru ini menyatakan bahawa penswastaan Perbadanan Air Melaka (PAM) dan Projek Sungai Jus akan dilaksanakan secara berasingan.

Implikasi yang timbul daripada kenyataan itu ialah satu syarikat akan mengendalikan Projek Sungai Jus dan satu syarikat lagi akan mengendalikan projek penswastaan PAM. Barangkali hal ini benar, dan jika benar maka syarikat yang akan mengendalikan Projek Sungai Jus akan mendapat keuntungan yang berlebihan dalam kadar waktu yang lebih pendek berbanding syarikat yang akan melaksanakan projek penswastaan PAM yang akan dibeban

dengan kos yang tinggi dan keuntungan yang relatif rendah dalam waktu yang amat panjang.

Janganlah kita meluluskan sebuah projek yang terjamin keuntungannya kepada syarikat tertentu, manakala yang keuntungannya relatif sedikit dan dalam masa yang panjang pula kepada syarikat tertentu dan akhir sekali apabila syarikat itu bermasalah, yang akan menerima bebannya ialah rakyat. Kita tidak mahu lagi rakyat terus menerima beban akibat kekurangan kebijaksanaan dalam membuat sesuatu keputusan oleh pihak yang bertanggungjawab, kerana apabila terlalu sangat dibebankan kita bimbang kesabaran rakyat akan hilang.

Dalam kes penswastan air di Melaka ini, tidak ada sebab yang rasional bagi mengagihkan penswastan selain daripada sekiranya cadangan penswastan PAM yang dimajukan kepada kerajaan negeri oleh syarikat yang berkenaan tidak merangkumi Projek Sungai Jus. Projek Sungai Jus mestilah dikendalikan dalam hubungannya dengan projek penswastan PAM.

Projek penswastan adalah satu projek yang dalam keadaan menang-menang dan bukannya sebuah projek menang-kalah. Ini bermakna syarikat yang mendapat projek penswastan memperolehi keuntungan manakala kerajaan pada satu pihak lagi, tidak dibebankan dengan kos yang tinggi kalau sesuatu projek itu diuruskan oleh kerajaan, manakala rakyat, pihak yang amat penting sekali memperolehi kesejahteraan hasil terlaksananya sesuatu projek penswastan itu.

Dalam sesuatu projek yang membabitkan rakyat seperti penswastan PAM ini, pemimpin negeri Melaka tentulah lebih arif dan bijaksana memilih memberi kesejahteraan kepada rakyat ataupun memuaskan agenda politik mereka sendiri. Namun, apapun yang penting ialah supaya projek ini dengan cepat diputuskan dengan demikian cepat pula terlaksana dan rakyat memperoleh kesejahteraannya. Hal yang terakhir itulah yang amat penting. Jangan sampai terjadi, meminjam kata-kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, "rakyat naik meluat dan jijik."

(END)